

**BERITA ONLINE
HARIAN METRO
21 FEBRUARI 2022 (ISNIN)**



Cikgu 'one-off'

Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my



PENGAMBILAN khas guru meringankan beban guru sedia ada.

Tarikh 1 Mac depan adalah tanggal yang cukup bermakna buat 8,120 guru baharu bagi pengambilan khas secara 'one-off' yang berjaya dalam temu duga fasa dua dan tiga kerana secara rasminya, mereka sudah memegang jawatan sebagai pendidik.

Pengambilan khas guru secara 'one-off' yang membabitkan keseluruhan 18,702 orang adalah bagi merungkai isu kekurangan guru yang berlarutan sekian lama.

Ia turut disokong dengan kenyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang akan terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik untuk mempercepatkan pelantikan dan penempatan baki pengambilan guru 'one-off' dalam masa terdekat.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Aminuddin Awang berkata, dengan penempatan 8,120 guru baharu ini, ia dapat mengurangkan masalah

di sekolah yang mana guru sedia ada terpaksa bergilir-gilir ataupun membuat gantian kepada ketidakcukupan guru di sekolah.

"Kami kekurangan guru yang dipengaruhi pelbagai faktor termasuk pembinaan sekolah baharu dan persaraan guru setiap tahun.

"Jadi, pelantikan guru baharu ini adalah sesuatu yang sangat kami mahukan supaya bilangan guru di negara ini mencukupi. Dengan itu beban guru di sekolah dapat dikurangkan," katanya.

Menurut Aminuddin, cabaran paling besar yang dihadapi guru adalah beban mereka semakin bertambah disebabkan kekurangan guru.

"Kita ambil contoh sebuah sekolah yang sepatutnya mempunyai 30 guru, tetapi jumlah keseluruhan guru yang ada hanya 27 orang. Jadi, tiga kekosongan itu terpaksa ditanggung guru lain.

"Apabila kekurangan guru, pihak sekolah akan menggunakan guru ganti. Namun, katakan sekolah itu kurang guru bahasa Inggeris atau sains, guru yang ada bukan semua ada kemahiran dalam subjek itu. Jadi, ia adalah satu bebanan untuk guru," katanya.

Selain itu, menurut Aminuddin murid tidak akan dapat apa yang sepatutnya mereka dapat sekiranya kekosongan itu tidak diisi.

"Kalau kekurangan guru bahasa Inggeris, tetapi guru ganti itu mengajar matematik, ia bukan saja memberikan kesukaran kepada guru, tetapi kepada pelajar sekali gus menidakkan hak mereka untuk mendapatkan pembelajaran yang terbaik," katanya.

Ditanya mengenai harapannya terhadap guru baharu yang akan mula melapor diri pada 1 Mac depan, kata Aminuddin, pihaknya berharap supaya guru baharu itu dapat memanfaatkan peluang yang diberikan kerajaan kepada mereka untuk menjadi guru.

Selain itu menurutnya, guru-guru ini juga perlu menjalankan atau memainkan peranan sebagai pendidik dengan sebaik-baiknya.

"Bagi saya, mereka yang terpilih ini adalah kalangan guru yang bertuah kerana dipilih menjadi guru dalam suasana sukar untuk mereka mendapatkan pekerjaan ataupun menjadi guru itu sendiri. Mereka patut bersyukur.

"Saya juga yakin mereka ini majoriti daripada guru muda. Jadi, mereka punya banyak idea baharu yang mampu disumbangkan untuk pembangunan sekolah dan meningkatkan kecemerlangan pendidikan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Ridzwan Che Rus berkata, langkah yang diambil KPM itu diterima dengan rasa syukur oleh semua graduan pendidikan yang sudah lama menunggu penempatan khususnya yang akhirnya mendapat penempatan besar-besaran kali ini.

Menurutnya, walaupun usaha ini sedikit terlewat daripada jadual kerja yang diumumkan tahun lepas, namun ia melegakan terutama graduan pendidikan di semua universiti awam (UA) seluruh Malaysia.

"Jumlah besar kekosongan 18,702 orang yang diumumkan sebelum ini perlu disegerakan kerana terdapat dua isu utama berkaitan masalah ini.

"Pertama adalah keperluan mendesak guru di sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia yang akhirnya membantu menyediakan jumlah guru yang berkualiti untuk murid.

"Kedua adalah urusan lantikan graduan pendidikan yang menamatkan pengajian sejak 2016 ke atas dibuat sangat sedikit sebelum ini," katanya.

Umum mengetahui bahawa graduan pendidikan tidak dianjikan tempat sebagai guru di sekolah di bawah KPM, namun proses pemilihan untuk mengikuti program pendidikan di UA sejak dari awal sangat mencabar.

Prosesnya bermula dari pilihan pertama dan kedua dalam borang permohonan kemasukan ke UA, kemudian melalui proses Ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) dan jika lulus akan melalui proses temu duga di UA berkaitan.

Maka kata Dr Ridzwan, kerjaya yang paling tepat adalah sebagai guru dalam sistem pendidikan Malaysia kerana mereka mempunyai kualiti selari dengan Standard Guru Malaysia 2.0.

"Penempatan guru kali ini bukan sahaja membabitkan sekolah menengah walaupun asasnya sudah ada pemahaman bahawa graduan Institut Pendidikan Guru (IPG) akan ditempatkan di sekolah rendah manakala graduan UA ditempatkan di sekolah menengah.

"Selain itu, ada guru yang dilantik dengan opsyen yang berbeza bagi memberi peluang penempatan kepada graduan pendidikan mendapat penempatan," katanya.

Walaupun masih ramai graduan bidang tertentu seperti pendidikan awal kanak-kanak, kemahiran hidup/reka bentuk dan teknologi, pertanian, ekonomi rumah tangga, perdagangan dan perniagaan yang belum mendapat penempatan.

Namun, graduan pendidikan dari UA ini sudah dilengkapkan dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap serta profesionalisme keguruan yang terbaik.

Dr Ridzwan berkata, walaupun berada dalam dunia yang penuh mencabar ini graduan perlu melihat pelbagai peluang di dalam negara dan di luar negara bukan sahaja pendidik, tetapi juga sebagai pencipta kerjaya melalui ekonomi gig.

"Cabaran kerjaya pendidik hari ini bukan sahaja menjadi guru di sekolah, tetapi juga menjadi agen perubahan kepada masyarakat khususnya anak murid mereka menyediakan dunia yang penuh mencabar pada abad ke-21," katanya.

Disiarkan pada: Februari 21, 2022 @ 7:00am

